

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]**  
**TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bagaimanakah golongan rentan dan golongan nirwarganegara mendapatkan dua dos vaksinasi COVID-19. Nombor-nombor telefon yang khusus mengikut negeri untuk tujuan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

MOSTI menerusi CITF telah mengeluarkan Garis Panduan Vaksinasi terhadap Bukan Warganegara di Pusat Pemberi Vaksin (PPV). Melalui ini, semua penduduk bukan warganegara yang hadir ke PPV boleh mendapatkan vaksinasi selaras dengan objektif Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Statistik di kawasan kawalan wabak mendapati sekiranya golongan ini tidak diberikan vaksinasi, penularan wabak sukar dibendung.

## NO. SOALAN : 50

Pelaksanaan vaksinasi bagi golongan rentan yang terdiri daripada golongan komorbid, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan warga emas telah dilaksanakan mulai Fasa 2 PICK iaitu mulai bulan April 2021 hingga sekarang, melalui kaedah rumah ke rumah, PPV Bergerak dan program jangkauan luar (*outreach*).

Pelaksanaan vaksinasi bagi PATI, pelarian UNHCR dan golongan tanpa negara (*stateless*) yang berada di kawasan pinggir bandar dan pedalaman adalah melalui kaedah jangkau luar atau *outreach* terutamanya di Sabah dan Sarawak. Proses pendaftaran dan vaksinasi sedang dirancarkan bagi melengkapkan vaksinasi bagi golongan-golongan ini pada penghujung bulan Oktober 2021.

Sebarang pertanyaan mengenai vaksinasi COVID-19 boleh menghubungi talian hotline CITF iaitu 1-800-88-8828 atau Bilik Gerakan COVID-19 Negeri masing-masing melalui [www.covid-19.moh.gov.my](http://www.covid-19.moh.gov.my).

Sekian, terima kasih.